

# Bimbang implikasi faktor ramai memilih tidak lapor isu integriti

Pengadu khuatir hadapi pelbagai tekanan hingga jejas kerjaya, kehidupan

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ada penjawat awam dan swasta negara ini masih ragu-ragu untuk membuat aduan berkaitan isu integriti kerana berasa takut meskipun saluran pelaporan sudah disediakan untuk dimanfaatkan mereka.


Ekoran tidak yakin terhadap mekanisme perlindungan identiti pemberi maklumat, pengadu juga bimbang mereka tidak terlepas daripada menerima tindak balas selepas laporan dibuat.

Dalam sesetengah situasi, pengadu mungkin tidak takut untuk membuat aduan sebaliknya bimbang terhadap implikasi sehingga keadaan itu dikhuatiri menjejaskan kerjaya dan kehidupan mereka selepas itu.

Tindak balas tidak semestinya berlaku dalam bentuk tindakan tatatertib yang formal, kerana ia juga berlaku dengan cara lebih halus.

Antara implikasi yang berisiko menanti pengadu adalah dipinggirkan dalam organisasi, penilaian prestasi yang tidak adil, peluang kemajuan kerjaya yang terjejas, pertukaran tempat bertugas atau dilayan dengan berbeza selepas laporan dibuat.

Presiden dan Ketua Pegawai



Eksekutif (CEO) Institut Integriti Malaysia (IIM), Datuk Seri Noridah Abdul Rahim, berkata budaya takut membuat aduan adalah fenomena yang diakui berlaku di banyak negara yang mempunyai sistem integriti maju, termasuk Malaysia.

Berdasarkan dapatan Laporan EY Integriti Global 2024 membabitkan 5,464 responden dari 53 negara termasuk 100 responden Malaysia, beliau berkata, kakitangan awam atau swasta masih mempunyai kebimbangan besar untuk melaporkan salah laku kerana takut dikenakan tindak balas.

“Lebih separuh daripada mereka yang pernah menggunakan saluran pelaporan dalaman menyatakan mereka berdepan tekanan supaya tidak membuat laporan. Ramai responden juga menyatakan kebimbangan bahawa kerjaya mereka akan terjejas atau laporan mereka tidak akan diambil tindakan.

“Menurut kajian pemantau pelaporan salah laku Eropah, Whistleblowing Monitor Europe

(2024) mendapati, 55 peratus individu yang menyaksikan salah laku memilih untuk tidak melaporkannya kerana takut dikenakan tindakan balas.

“Ini menunjukkan bahawa isu ‘budaya takut melapor’ bukan hanya berlaku di negara membangun tetapi juga dalam organisasi di negara-negara maju,” katanya kepada BH.

## Tangani isu secara serius

Sehubungan itu, Noridah menegaskan terdapat keperluan supaya isu ‘takut melapor’ ditangani secara menyeluruh kerana penyelesaian kepada masalah ini tidak boleh bergantung kepada peraturan atau hukuman semata-mata.

Beliau berkata, apa lebih penting adalah pembinaan budaya organisasi yang menggalakkan keterbukaan, kejujuran dan keberanian untuk melapor salah laku, termasuk peranan pegawai tertinggi.

“Mereka perlu menunjukkan komitmen yang jelas bahawa setiap laporan akan dilayan secara

“Dalam banyak organisasi yang berjaya membudayakan integriti, sokongan kepimpinan merupakan faktor paling penting yang menentukan keberkesanan sistem pelaporan”

Noridah Abdul Rahim,  
Presiden dan Ketua Pegawai  
Eksekutif Institut Integriti Malaysia



profesional serta selaras dengan prinsip keadilan asasi dan individu yang membuat laporan tidak akan menjadi mangsa kepada sistem.

“Dalam banyak organisasi yang berjaya membudayakan integriti, sokongan kepimpinan adalah faktor paling penting yang menentukan keberkesanan sistem pelaporan,” katanya.

Mengenai perlindungan identiti pemberi maklumat, Noridah berkata, meskipun Malaysia mempunyai kerangka perundangan penting, antaranya melalui Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711), masih ada ruang untuk memperkukuhkan mekanisme itu.

Beliau berkata, ruang itu perlu diperkukuh agar lebih ramai individu, termasuk penjawat awam berada yakin untuk tampil melapor salah laku dalam organisasi masing-masing.

Katanya, antara pembaikan yang disyorkan merangkumi aspek kerahsiaan identiti, larangan tindak balas serta jaminan bahawa laporan akan disiasat se-

cara profesional dan adil.

“Dalam amalan, terdapat juga laporan yang membabitkan pelanggaran tatatertib, salah laku pentadbiran, ketidakpatuhan prosedur atau pelanggaran etika yang mungkin tidak memenuhi skop perlindungan yang sama.

“Justeru, IIM berpandangan bahawa adalah wajar untuk mempertimbangkan mekanisme perlindungan yang lebih menyeluruh terhadap individu yang membuat laporan dengan niat baik, termasuk bagi kes-kes pelanggaran tatatertib dan integriti di tempat kerja.

“Pada akhirnya, keberkesanan sesuatu sistem pelaporan bukan sahaja bergantung kepada kewujudan saluran aduan, tetapi juga kepada tahap keyakinan bahawa individu yang tampil membuat laporan akan dilindungi tanpa mengira, sama ada laporan tersebut membabitkan jenayah rasuah, salah guna kuasa, pelanggaran etika atau kesalahan tatatertib yang menjejaskan integriti organisasi,” katanya.





# Tangani persepsi pengadu kes tak dilindungi

**Kuala Lumpur:** Institut Integriti Malaysia (IIM) menegaskan, persepsi bahawa saluran aduan integriti tidak benar-benar melindungi pemberi maklumat perlu diberikan perhatian serius.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) IIM, Datuk Seri Noridah Abdul Halim, berkata dalam soal integriti, persepsi awam tidak wajar dipandang enteng berdasarkan beberapa situasi.

Beliau berkata, ini kerana persepsi awam sering terbentuk daripada pengalaman sebenar, perhatian atau keyakinan yang diberikan terhadap sesuatu organisasi.

“Sekiranya terdapat individu yang merasakan mereka berisiko berdepan tekanan atau tindakan balas selepas membuat laporan, maka isu tersebut secara langsung akan menjejaskan kepercayaan terhadap sistem integriti yang diwujudkan.

“Sebenarnya, cabaran terbesar pada hari ini bukanlah ketiadaan saluran aduan. Pelbagai mekanisme pelaporan telah tersedia sama ada melalui saluran dalaman mahupun luaran.

“Namun demikian, persoalan yang lebih penting bukanlah sama ada saluran pelaporan itu wujud, tetapi sama ada individu benar-benar yakin bahawa mereka

akan dilindungi apabila tampil membuat laporan.

“Sesebuah sistem aduan hanya akan berfungsi dengan berkesan apabila pengadu mempunyai keyakinan bahawa identiti mereka akan dirahsiakan, laporan mereka akan disiasat secara profesional dan mereka tidak akan dikenakan sebarang bentuk tindakan balas,” katanya kepada *BH*.

Pada peringkat dalaman, Kementerian dan agensi kerajaan mempunyai Unit Integriti, Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) serta pelbagai saluran pelaporan yang diwujudkan oleh organisasi masing-masing.

Pada peringkat luaran pula, individu boleh menyalurkan aduan kepada agensi penguatkuasaan dan pemantauan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan badan-badan berkaitan yang lain.

Dalam melindungi pemberi maklumat, Noridah berkata, ia perlu menjadi komponen utama dalam ekosistem integriti negara kerana individu yang tampil melaporkan salah laku bukanlah ancaman kepada organisasi.

Sebenarnya, beliau berkata, fungsi pengadu adalah membantu organisasi mengenal pasti kelemahan, menutup ruang salah

guna kuasa dan mengurangkan risiko yang boleh menjejaskan reputasi serta kepercayaan awam.

“Akhirnya, keberkesanan sesuatu sistem aduan tidak diukur melalui jumlah saluran yang diwujudkan, tetapi melalui tahap keyakinan bahawa individu yang tampil membuat laporan akan dilindungi.

“Pada masa sama, laporan mereka akan ditangani secara adil dan tiada pihak akan dikenakan tindakan balas kerana melakukan perkara yang betul. Itulah asas kepada budaya integriti mampan dan berkesan,” katanya.